



MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN

KENYATAAN TENDER SEMULA

(1) Tender Semula adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor yang mempunyai jenis pendaftaran yang ditetaskan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah bagi kerja seperti dibawah adalah dipelawa untuk menyertai tender berikut :-

Bil.	No. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran	Bayaran Dokumen	Jenis Tawaran	Taklimat / Lawatan Tapak (Wajib)
1	MPKS/ENG/T/51/2025 (RMK12) (R)	Menaiktaraf Bangunan Majlis Perbandaran Kota Samarahan :- (Fasa 2) (Re-Tender)	UPKJ Bidang Kerja Kelas: D Kepala: II Sub-Kepala: 5(a) 5(b) Dan mempunyai Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	<i>Security Document / Drawing</i> RM1,000.00 (Dikembalikan) dan Bayaran Dokumen Tender RM600.00 (Tidak dikembalikan)	Terbuka / Bumiputera	TEMPAT: BILIK LATIHAN, TINGKAT BAWAH, PERPUSTAKAAN MPKS. TARIKH: 27 NOVEMBER 2025 (KHAMIS) PENDAFTARAN: 09.00 PAGI TAKLIMAT: 09.30 PAGI "Hanya penender yang telah menghadiri taklimat dan lawatan tapak layak membeli dokumen."
2	MPKS/ENG/T/50/2025 (R2)	Penyelenggaraan Kemudahan Sukan Dan Rekreasi:- Di Taman Rekreasi Halaman Samarahan, Taman Rekreasi Merdang Limau Lorong 1F6, Taman Rekreasi Samarindah Lorong 1, Taman Rekreasi Uni Media Lorong 6A Dan Taman Rekreasi Merdang Gayam Lor 3A3. (Re-Tender)	UPKJ Kelas: F Kepala: VI Subkepala: 5 (KERJA) Dan mempunyai Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	Bayaran Dokumen RM50.00 (Tidak dikembalikan)	Terbuka / Bumiputera	-

2. Dokumen Tender boleh diperolehi pada waktu pejabat (*mengikut waktu kaunter pembayaran beroperasi*) setelah pembayaran dilakukan untuk yuran dokumen (pada dan selepas **27 November 2025 - Khamis**) selepas Taklimat/Lawatan Tapak dalam bentuk wang tunai dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

3. Bagi Bil. 1, Kontraktor mesti mengemukakan cagaran dokumen berjumlah **RM1,000.00** dalam bentuk *Banker's Cheque* atau *Bank draft* dibuat atas nama "**Majlis Perbandaran Kota Samarahan**" semasa membeli dokumen tender. Cagaran dokumen akan dikembalikan sepenuhnya kepada semua pembida yang gagal setelah penerimaan tender.

4. Kontraktor / wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis hendaklah membawa sijil pendaftaran **ASAL** serta salinannya yang telah diakui **SAH** yang dikeluarkan oleh Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (**UPKJ**) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (**CIDB**) semasa membeli dokumen.

5. Dokumen tender yang dikemukakan harus disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut:-

- Sijil Pendaftaran Perniagaan (*salinan yang telah disahkan*);
- Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ (*salinan yang telah disahkan*) dan;
- Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB (*salinan yang telah disahkan*).

Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Tender Majlis berhak menolak tawaran tender.

6. Dokumen tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang diatasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **TARIKH TUTUP, NOMBOR TENDER** serta **TAJUK TENDER** dan perlu dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti berikut:-

Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Kota Samarahan
94300 Kota Samarahan

7. Tarikh tutup bagi tender di atas adalah pada **10 DISEMBER 2025 (ISNIN)** jam **12.00 tengah hari** dan sebarang dokumen tender yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.

8. Tempoh sah laku tender hendaklah **90 hari** dari tarikh tutup.


9. Majlis Perbandaran Kota Samarahan tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang terendah atau mana-mana tawaran.

10. Notis tender semula ini juga boleh dilayari di laman web <https://mpks.sarawak.gov.my>

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"

"Smart City, Greater Future"


(GUSTIAN BIN HAJI DURANI)
 Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Kota Samarahan

